

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 24.11.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan peratusan pelajar di universiti-universiti awam yang tercicir dari tahun 2010 hingga 2015 dan apa langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar keciciran di universiti awam ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar yang mengikuti pengajian di universiti awam **dari tahun 2012 sehingga 2014** adalah seramai 1.6 juta orang. Daripada jumlah tersebut, hanya 2.3 peratus pelajar yang berstatus berhenti atau diberhentikan. Dalam tempoh yang sama, peratusan pelajar yang tercicir menunjukkan penurunan iaitu 2.7 peratus pada tahun 2012 , 2.2 peratus pada tahun 2013 dan 2.1 peratus pada tahun 2014.

Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar keciciran di UA adalah:

1. Memantau sistem kehadiran pelajar;
2. Mengadakan sistem pendamping siswa;

3. Mengadakan kursus pembelajaran;
4. Pemantauan berkala mengikut keputusan bersyarat;
5. Memberi peluang pelajar untuk mengambil semula peperiksaan;
6. Membenarkan pelajar memperbaiki pencapaian akademik secara Ulang Gred (UG); dan
7. Membenarkan pelajar gagal untuk mengambil semula kursus yang gagal.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @  
TIAN CHUA [ BATU ] [ PKR]**

**TARIKH : 24 NOV 2015, KHAMIS**

**SOALAN : 18**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan berhenti menaja pelajar untuk belajar di Universiti Taylors. Apakah sebab-sebab keputusan ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, MARA tidak akan berhenti menaja pelajar yang belajar di Universiti Taylors. Pada masa ini, sehingga September 2015, seramai 521 orang pelajar tajaan MARA sedang mengikuti pengajian di Universiti Taylors.